

29/10/2003

Perhimpunan khas hormai jasa Dr Mahathir esok

Syuhada Choo Abdullah

SEMUA institusi di bawah Kementerian Pendidikan, merangkumi sekolah, maktab perguruan, politeknik dan kolej matrikulasi, akan mengadakan perhimpunan khas serentak di seluruh negara jam 9.00 pagi esok, sebagai tanda penghargaan serta terima kasih kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat, berkata perhimpunan

yang diadakan sehari sebelum hari terakhir perkhidmatan Perdana Menteri itu bertujuan menggambarkan perpaduan, sokongan padu serta penghargaan tinggi dan tanda syukur serta terima kasih seluruh warga pendidikan.

"Dr Mahathir memberikan sumbangan amat besar kepada negara, khususnya terhadap bidang pendidikan. Beliau banyak menabur bakti dalam meningkatkan

martabat pendidikan negara, bukan saja ketika menjadi Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri tetapi juga sewaktu memegang jawatan Menteri Pelajaran.

"Sesungguhnya, seluruh warga pendidikan sangat terhutang budi dan berasa

bangga dipimpin oleh seorang pemimpin yang begitu mengambil berat terhadap

pendidikan dan meletakkannya sebagai agenda penting dalam pembangunan negara," katanya.

Beliau berkata demikian dalam surat pekeliling bertajuk Aktiviti Khas Sebagai Tanda Penghargaan dan Terima Kasih Warga Kementerian Pendidikan Sempena Persaraan YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia bertarikh 9 Oktober lalu.

Surat pekeliling itu diedarkan kepada semua pengarah jabatan pendidikan

negeri (JPN), maktab perguruan, politeknik dan juga kolej matrikulasi, di

samping salinan kepada kepimpinan peringkat atasan, termasuk Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad.

Sehubungan itu, Abdul Rafie berkata, kementerian meminta pihak terbabit

mengadakan perhimpunan khas berkenaan di institusi/sekolah di bawah pentadbiran masing-masing dengan membabitkan seluruh warga

institusi/sekolah serta persatuan ibu bapa dan guru (PIBG)/ibu bapa dan pelajar.

Dalam perhimpunan berkenaan, beliau berkata, beberapa aktiviti hendaklah

dijalankan, termasuk pembacaan 'ucapan khas' oleh pengetua/guru besar/guru/pelajar sebagai lambang perasaan terima kasih kepada Dr Mahathir.

Selain itu, turut melaksanakan kegiatan sampingan seperti doa, pembacaan

sajak, nyanyian lagu patriotik dan penceritaan berkaitan sejarah, pemikiran serta sumbangannya, mengadakan sepanduk, kad ucapan atau seumpamanya yang sesuai untuk menyatakan rasa terima kasih itu.

Pihak terbabit juga diminta mengambil langkah wajar menjayakan aktiviti khas berkenaan serta memaklumkan kandungan surat itu kepada semua pegawai di JPN, pejabat pendidikan bahagian/daerah, institusi dan sekolah di bawah pentadbiran masing-masing.

Sementara itu, Kongres Dalam Perkhidmatan Pendidikan (Kongres) dan Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) menyambut baik penganjuran perhimpunan khas berkenaan dan menyifatkan inisiatif itu wajar untuk memperingati jasa serta bakti pemimpin ulung negara.

Presiden dua pertubuhan guru itu, Prof Madya Dr Abdul Rahman Daud, menegaskan aktiviti sedemikian bukan bermaksud mengagung-agungkan pemimpin, sebaliknya membolehkan pelajar sebagai generasi pelapis menghargai sekali gus mencontohi tanggungjawab, komitmen, kewibawaan dan kegigihan usaha Perdana Menteri menyumbang ke arah kemajuan negara selama ini.

"Kongres dan KGMMB memang terharu dan ingin mengucapkan syabas kepada Perdana Menteri, terutama atas komitmen serta sumbangan besar beliau dalam memartabatkan profesion keguruan dan bidang pendidikan negara secara keseluruhan.

"Jasa Dr Mahathir selama ini akan tetap dikenang. Selain itu, Kongres serta KGMMB juga mengalu-alukan pengganti beliau sebagai Perdana Menteri baru," katanya.